





KESIMPULAN DAN RUMUSAN

Industri perbankan tanah air sejak awal kemerdekaan dikuasai sepenuhnya oleh sistem perbankan konvensional yang sememangnya kita ketahui mendapat keuntungan atau pendapatan mereka melalui kadar bunga atau riba yang sentiasa mengalami perubahan. Riba adalah suatu instrumen yang diharamkan di dalam Islam kerana Islam berpendapat bahawa amalan riba ini menindas pihak-pihak tertentu dalam urusan perniagaan atau kegiatan ekonomi dan ini akan menyebabkan agihan pendapatan dalam sesebuah negara akan menjadi sukar untuk mencapai agihan yang adil dan memenuhi kebijakan semua pihak dalam masyarakat.

Di atas kesedaran ini umat Islam di Malaysia daripada golongan cendiakiawan Islam memikirkan satu cara untuk mengelakkan umat Islam daripada terus bergelumang dan sebat dengan amalan riba terutamanya dalam usaha mendapatkan pembiayaan perniagaan atau penggunaan. Hasil daripada usaha yang berterusan dengan mengadakan seminar dan persidangan maka tercetuslah idea untuk mendesak kerajaan menubuhkan sebuah bank yang berdasarkan kepada muamalat Islam bagi memenuhi keperluan serta maslahah umat Islam di Malaysia. Kerajaan Malaysia memberi riaksi yang positif ke atas cadangan yang dikemukakan oleh



golongan ini dan hasilnya pada tahun 1983 sebuah bank Islam yang pertama ditubuhkan di Malaysia dengan nama Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

Bank ini telah beroperasi secara rasminya pada 1 Julai 1983. Hasil daripada operasi yang dijalankan BIMB telah menunjukkan prestasi yang baik sejak awal penubuhan hingga ke hari ini. Ini telah membuktikan kepada kerajaan Malaysia dan umat Islam di Malaysia akan kemampuan sistem perbankan Islam yang dikenali juga sebagai sistem perbankan tanpa faedah. Dalam sistem ini bank menggunakan prinsip perkongsian untung rugi (PUR) sebagai teras kepada instrumen perbankan yang ditawarkan kerana asas kepada pendapatan atau pengumpulan dana bank juga berdasarkan kepada prinsip PUR.

Pada Oktober 1999 kerajaan telah membenarkan penubuhan bank Islam kedua iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) yang beroperasi secara rasminya pada 1 Oktober 1999. Bank ini wujud dalam keadaan pada masa itu ekonomi negara mengalami krisis dan Bank Negara Malaysia menggalakkan berlakunya pengabungan antara bank-bank bagi meningkatkan jumlah dana dan kecairannya dalam usaha menghadapi suasana ekonomi yang gawat ketika itu yang disebabkan oleh kejatuhan nilai mata wang ringgit. Ini juga telah membuktikan bahawa kerajaan telah meyakini bahawa sistem perbankan Islam ini dapat bertahan dan terus kukuh



walaupun ketika menghadapi krisis ekonomi. Ini dibuktikan melalui sebahagian besar saham BMMB adalah milik kerajaan.

Melalui analisis yang dibuat oleh penulis menunjukkan bahawa BMMB mampu mencatat jumlah keuntungan yang meningkat pada setiap tahun operasinya bermula dari Oktober 1999 hingga Disember 2001. Cuma yang menjadi persoalan kepada penulis kenapa perbankan Islam ini belum mampu untuk bersaing secara kukuh dengan perbankan konvensional, ini terbukti dengan penguasaan perbankan Islam terhadap dana perbankan negara masih di bawah 10 %. Bagi menjawab persolan ini penulis cuba mengfokuskan kajian terhadap pembiayaan hutang yang menjadi asas utama dalam perbankan Islam dalam menguatkan dana mereka dengan menumpukan kajian secara khususnya kepada BMMB.

Dalam bab yang pertama penulis menyingskap serba sedikit latar belakang BMMB dan suasana perbankan Islam di Malaysia secara keseluruhannya bagi memberikan gambaran awal kepada pembaca. Selepas itu dalam bab yang kedua penulis memberikan penerangan berkenaan konsep-konsep syariah yang digunakan oleh perbankan Islam dan produk-produk yang ditawarkan oleh BMMB bagi menjelaskan gambaran tetang bagaimana sesuatu konsep-konsep syariah itu diwujudkan dan bagaimana ianya berfungsi di dalam sesuatu produk perbankan Islam.



Dalam bab yang ketiga penulis membuat perbandingan diantara pembiayaan hutang Islam dengan pembiayaan hutang konvensional. Perbandingan yang dibuat adalah melalui konsep yang digunakan oleh perbankan Islam dan konvensional dalam menawarkan produk pembiayaan hutang dan kelebihan serta kekurangan yang terdapat dalam kedua-dua sistem ini. Dalam bab yang terakhir atau keempat barulah penulis melakukan analisis secara data kuantitatif terhadap pembiayaan hutang di BMMB yang dilihat daripada beberapa sudut yang berbeza bagi melihat sejauh manakah kekuatan dana yang dapat dijana oleh BMMB melalui pembiayaannya dan adakah kemungkinan ianya dapat meningkatkan penguasaan perbankan Islam dalam dana perbankan negara kepada peratusan yang lebih baik di masa akan datang.

Hasilnya penulis berpendapat bahawa perbankan Islam melalui produk pembiayaan hutang dapat terus memberi sumbangan kepada perkembangan dana perbankan Islam yang lebih progesif lagi di masa akan datang. Tetapi ianya perlu disusuri dengan strategi pemasaran yang lebih hebat serta kompetitif dengan perbankan konvensional dan dalam masa yang sama memberikan kesedaran kepada seluruh umat Islam serta agensi-agensi kerajaan serta swasta yang dipelopori oleh golongan bumiputra Islam agar menggunakan perbankan Islam dalam menguruskan dana kewangan mereka



disamping mempergiatkan promosi pengenalan produk-produk perbankan Islam serta kelebihan menggunakan kepada golongan bukan Islam yang mempunyai kecairan dana yang lebih tinggi dalam ekonomi negara kini.

Penulis mengharapkan hasil daripada usaha yang tidak seberapa ini akan menjadi penyumbang kepada kesedaran umat Islam untuk bertambah yakin kepada sistem kewangan Islam dan boleh mengemukakan komentar yang kritis, dan dalam masa yang sama dapat mencadangkan sesuatu jalan keluar yang terbaik untuk mengatasi persoalan serta permasalahan yang timbul dalam perbankan Islam supaya sistem kewangan Islam di negara ini menjadi yang terbaik dan mendapat sokongan daripada semua lapisan masyarakat Islam di negara ini dan juga mendapat sambutan yang baik dari golongan bukan Islam. Dengan terhasilnya matlamat ini maka akan dapat membuktikan kepada dunia perbankan bahawa muamalat secara Islam adalah yang terbaik dan adil untuk kegunaan sistem kewangan dunia dan menagatasi masalah yang wujud dalam ekonomi.



SARANAN DAN CADANGAN

Kerajaan Malaysia

Kerajaan Malaysia adalah sebuah kerajaan yang meletakkan Islam sebagai agama rasmi kepada negara melalui pelembagaan yang sedia terpakai dan juga telah menyatakan bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam sepenuhnya. Pada masa yang sama juga golongan pemimpin teratas yang mentadbir kerajaan adalah mereka yang mengaku beragama Islam. Adalah wajar bagi kerajaan untuk menggunakan segala urusan berkaitan kewangannya mengikut cara atau sistem kewangannya dengan menjadikan Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) sebagai badan rasmi kepada keperluan perbankan seluruh agensi kerajaan yang rasmi. Ini bertepatan kerana sebahagian besar saham BMMB adalah milik kerajaan sendiri. Dengan cara yang demikian kerajaan akan dapat membantu mengukuhkan dana perbankan Islam dan merealisasikan impian ingin melihat perbankan Islam terus bersaing secara lebih mampan dengan perbankan konvensional. Kerajaan juga perlu melihat akan keperluan penubuhan bank Islam yang baru atau menggalakkan bank konvensional beralih kepada sistem perbankan Islam secara sepenuhnya secara berperingkat agar cita-cita ingin



menyaksikan sistem perbankan Islam ini menjadi sistem perbankan utama negara akan tercapai sepenuhnya.

Institusi Perbankan Islam di Malaysia

Saranan-saranan yang dikemukakan bertujuan untuk membina asas-asas yang diperlukan dari segi pembinaan keupayaan, pembangunan prasarana dan rangka kerja pengawalseliaan bagi mencapai visi dan objektif yang dihuraikan di atas. Kerjasama IPI dan PT diperlukan bagi membantu usaha BNM untuk membangunkan industri perbankan Islam dan takaful yang efisien, progresif dan komprehensif. Saran-saranan yang dirangka akan memberi tumpuan kepada tiga sasaran utama:

1. Peningkatan kapasiti keinstitusian

Langkah-langkah strategik akan diambil untuk menyediakan peserta-peserta industri perbankan Islam dan takaful agar berada di kalangan institusi yang terbaik dari segi pengurusan dan mampu meraih peluang daripada ciri-ciri unik perbankan Islam dan takaful bagi mencapai kelebihan daya saing. Saran-saranan akan melibatkan langkah-langkah untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga mahir dalam bidang perbankan Islam dan takaful. Selain daripada itu, tumpuan akan diberikan terhadap pengukuhan



iltizam pihak pengurusan dan pelaksanaan tanda aras secara berterusan bagi meningkatkan tahap prestasi. Antaranya melalui :

i. **Memperkenalkan program tanda aras**

Pelaksanaan program tanda aras adalah penting bagi IPI mencapai taraf yang setanding dengan amalan antara-bangsa yang terbaik. Justeru itu, satu program tanda aras akan diperkenalkan bagi memudahkan IPI menilai tahap kecekapan mereka, mengenal pasti jurang prestasi serta menyusun strategi untuk memperbaiki prestasi agar membawa hasil yang terbaik.

ii. **Menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran**

Bagi menambahkan warga perbankan Islam dan PT yang berilmu dan cekap, usaha akan disalurkan untuk menggalakkan pembangunan sumber manusia sejajar dengan pertumbuhan industri yang dirancangkan melalui:

- a) Penubuhan sebuah institusi latihan khusus milik industri untuk melatih dan menyediakan warga kerja perbankan Islam dan PT bagi memenuhi keperluan industri.



- b) Mewajibkan IPI dan PT memperuntukkan belanjawan yang munasabah untuk pembangunan kemahiran bagi menambahkan ilmu pengetahuan dan kepakaran dalam bidang perbankan Islam dan takaful. Langkah-langkah sampingan akan diambil untuk mewujud dan mempertingkatkan kesedaran awam mengenai konsep dan manfaat perbankan Islam dan takaful serta pendidikan pelanggan berhubung dengan tanggapan yang salah. Ini akan dicapai melalui.

 - c) Menggalakkan IPI dan PT mengadakan program promosi perbankan Islam dan takaful secara berterusan. IPI dan PT digalakkan untuk membentuk pakatan strategik dengan institusi pengajian tinggi bagi meningkatkan ilmu pengetahuan tentang perbankan Islam dan takaful.

 - d) Meningkatkan kandungan pengajaran perbankan Islam dan takaful di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi
- iii. **Membina kumpulan pengurusan yang teguh**

Bagi membina kumpulan pengurusan yang inovatif dan berwibawa serta komited kepada perbankan Islam dan takaful, usaha menarik kakitangan yang berpengalaman dan berkelayakan, termasuk ekspatriat akan



digalakkan bagi melicinkan pemindahan dan perkongsian ilmu dan kemahiran. Pengambilan ekspatriat dapat melengkapi usaha-usaha yang dibuat untuk membina kemahiran peserta-peserta industri tempatan.

iv. Memberi insentif untuk penstrukturkan sekuriti hutang swasta secara Islam

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk melahirkan peserta domestik utama selaku penggerak pasaran modal Islam, IPI akan diberi insentif untuk menstruktur sekuriti hutang swasta secara Islam.

2. Pembangunan prasarana kewangan

Langkah-langkah khusus akan diambil untuk memupuk budaya berdaya saing yang sihat di kalangan peserta-peserta perbankan Islam dan takaful serta mewujudkan kedalaman pasaran yang mencukupi bagi membina kelebihan daya saing dalam suasana kewangan yang dinamik. Di antara usaha-usaha ke arah ini melibatkan pemberian lesen perbankan Islam dan takaful yang baru serta menggalakkan penjuruteraan kewangan Islam dalam pembangunan produk dan pengurusan risiko. Kemunculan Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa di Labuan dijangka akan membantu mempergiatkan pembangunan pasaran kewangan Islam domestik melalui



pemberian akses kepada pasaran, peserta dan kepakaran antarabangsa. Secara teperinci adalah :

*

i. Menambah bilangan bank Islam bagi menjana persaingan

Dalam usaha untuk menggembangkan elemen persaingan sebagai sumber peneraju pertumbuhan, bilangan bank Islam akan ditambah dalam jangka masa pertengahan. Sebagai langkah awal, usaha akan dijalankan untuk membangunkan peserta-peserta yang berpotensi menerusi kajian semula struktur Bahagian Perbankan Islam (BPI) dan menggubal dasar baru untuk memperkuuhkan model-model BPI ini. Ini akan dijadikan asas bagi mengenal pasti peserta-peserta berpotensi yang telah mencapai saiz kritikal dengan prasarana yang lengkap serta bersedia untuk beroperasi sebagai sebuah bank Islam sepenuhnya. Untuk menggalakkan persaingan yang lebih hebat dan mempercepatkan integrasi di peringkat antarabangsa, pemberian lesen perbankan Islam kepada peserta perbankan Islam luar negara yang layak serta terkenal di arena perbankan Islam antarabangsa akan diberi pertimbangan.



ii. **Menambah bilangan pengendali takaful**

Lesen takaful baru akan diberi untuk mencapai matlamat-matlamat berikut:

- a) Mempercepatkan perkembangan perniagaan takaful selaras dengan perbankan Islam yang secara relatifnya lebih maju.
- b) Menyemarakkan persaingan pasaran dalam penentuan harga, inovasi produk, perkhidmatan pelanggan dan kecekapan operasi.
- c) Menambah program takaful semula di kalangan PT berdasarkan prinsip-prinsip Syariah.
- d) Mengenengahkan ASEAN Retakaful International (L) Ltd. sebagai pengendali takaful semula yang utama di rantau ini.
- e) Menjadikan Malaysia sebagai pusat bagi kepakaran takaful.



iii. Memperdalamkan pasaran kewangan Islam

Dalam usaha untuk mempromosikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam, struktur pasaran yang dalam akan dibangunkan bagi memenuhi keperluan pelanggan yang canggih di samping memelihara ketabilan dan integriti sistem kewangan secara keseluruhan. Dalam hal ini, langkah-langkah yang akan dilaksanakan adalah untuk.

- a) Memperhebatkan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan dalam bidang perbankan dan kewangan Islam. Inisiatif ini akan dijalankan secara berasingan oleh IPI dan juga secara kolektif melalui institusi penyelidikan dan latihan milik industri.
- b) Merangka pendekatan komprehensif bagi pengurusan risiko dan mekanisme yang sesuai untuk mengurangkan risiko. Ini adalah kerana kontrak urus niaga kewangan Islam di antara IPI dan pelanggan mereka berbeza di antara satu dengan yang lain dan yang demikian mewujudkan ciri-ciri risiko yang berlainan. Di samping itu, adalah penting bagi jawatankuasa aset dan liabiliti setiap IPI menumpukan perhatian terhadap pembinaan portfolio kewangan yang kukuh bagi mengekalkan kelebihan daya saing IPI dalam suasana dwi-perbankan



- c) Menggalakkan penggunaan pembiayaan mudharabah dan musyarakah melalui penubuhan dana khas atau anak syarikat bagi mengendalikan pembiayaan-pembiayaan sebegini. IPI perlu menjalankan kajian bagi mengenal pasti bidang-bidang berpotensi yang paling sesuai untuk pembiayaan jenis ini.

3. Pembangunan rangka kerja pengawalseliaan

Usaha bersepadu akan disalurkan untuk mewujudkan landasan yang berasingan dan berdaya maju agar perbankan Islam dan takaful dapat berfungsi seiring dengan perbankan dan insurans konvensional secara efektif. Rangka kerja perundangan, pengawalseliaan dan Syariah akan diperkuuhkan melalui pengkajian semula undang-undang dan peraturan-peraturan sedia ada. Kod etika akan memainkan peranan utama dalam mendisiplinkan industri manakala penekanan terhadap campur tangan bank pusat akan dikurangkan. Secara teperinci adalah seperti berikut :

i. Memperkuuhkan rangka kerja pengawalseliaan perbankan Islam

Dorongan bagi menjana pertumbuhan masa hadapan perlu bermula dari landasan pengawalseliaan yang berasingan supaya industri perbankan



Islam dapat berdiri sendiri sejajar dengan prinsip-prinsip perbankannya yang tersendiri. Justeru itu, penekanan akan diberikan terhadap:

- *
- a) Memperkuatkan Akta Bank Islam 1983 (ABI) dengan mengambil kira ciri-ciri unggul perbankan Islam tanpa menjelaskan aspek pengawalseliaan dan kehmatan. ABI yang dikaji semula akan mewujudkan suasana yang kondusif bagi bank-bank Islam untuk beralih kepada pendekatan dan rangka kerja pasaran yang terselia

 - b) Mengemaskinkan Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 dengan mengambil kira ciri-ciri perbankan Islam yang unik. Bank-bank SPI akan terus dikawalselia bagi memastikan profil pengurusan risiko yang berkaitan dengan operasi perbankan Islam institusi perbankan berkenaan diberi perhatian dan dipantau dengan sewajarnya.

 - c) Membina rangka kerja pengawalseliaan yang berasingan bagi perbankan Islam dengan memperkenalkan keperluan kecukupan modal, rizab berkanun dan keperluan mudah tunai yang berasingan untuk bank-bank Islam dan bank-bank SPI.



- d) Menyelaraskan pendapat-pendapat Syariah mengenai perbankan dan kewangan Islam untuk mempertingkatkan kecekapan dan menggalakkan perkembangan pasaran.
- ii. **Memperbaiki rangka kerja pengawalseliaan bagi takaful**

Rangka kerja pengawalseliaan yang menyeluruh akan diwujudkan bagi menyokong perkembangan industri takaful yang sihat. Di antara perkara-perkara utama yang akan ditekankan adalah seperti berikut:

- a) Mengkaji semula Akta Takaful 1984 dan perundangan berkaitan bagi memperbaiki kekurangan sedia ada.
- b) Meningkatkan modal berbayar minimum berkanun PT secara progresif selaras dengan peningkatan keupayaan mereka untuk berkembang dan menanggung risiko yang lebih tinggi. Peningkatan modal asas bagi PT akan memperbaiki keupayaan mereka untuk bersaing dengan lebih berkesan dalam pasaran domestik dan seterusnya di peringkat antarabangsa.
- c) Memperkenalkan piawaian perakaunan bagi perniagaan takaful dan penggubalan rang Akaun Model bagi PT.



- d) Memantau dan memperbaiki kod etika dan amalan pasaran yang seragam bagi PT.
- iii. **Mewujudkan struktur perundangan yang efektif**

Salah satu prasyarat bagi mengekalkan pertumbuhan perbankan Islam dan takaful secara berterusan ialah prasarana perundangan yang komprehensif yang mampu mengendalikan sebarang permasalahan perundangan yang mungkin timbul dari urus niaga kewangan Islam. Sekumpulan peguam dan hakim yang cekap, yang dilengkapi dengan ilmu dan kepakaran dalam kedua-dua bidang perundangan Syariah dan sivil, diperlukan bagi mengendalikan hal-hal perundangan yang bersangkutan dengan kontrak kewangan Islam, terutamanya untuk menanam keyakinan di kalangan pengamal industri dan pelanggan. Justeru itu, langkah-langkah akan diambil untuk:

- a) Membentuk satu jawatankuasa bagi menukuhkan mahkamah perdagangan Syariah khusus untuk mengendalikan hal-hal perundangan berhubung dengan perbankan Islam dan takaful. Dalam jangka masa interim, tribunal perbankan Islam akan ditubuhkan untuk dijadikan asas kepada penubuhan mahkamah yang dicadangkan.



b) Merangka program kesedaran dan latihan khusus bagi para hakim dan peguam dalam bidang perbankan Islam dan takaful dan usaha ini akan dikendalikan oleh institusi penyelidikan dan latihan milik industri dengan kerjasama badan kehakiman dan Majlis Peguam.

iv. **Mewujudkan rejim percukaian yang menarik**

Penggubalan dan pindaan dasar cukai perlu mengambil kira kesan ke atas perbankan Islam dan takaful supaya ia tidak menjadi penghalang kepada penerimaan konsep perbankan Islam dan produk takaful.



Masyarakat Malaysia

Masyarakat Malaysia terutamanya umat Islam seharusnya menggunakan perbankan Islam sebagai bank utama urusniaga kewangan mereka sama ada untuk tujuan penyimpanan atau tabungan atau untuk pembiayaan kewangan. Ini kerana tidak secara lansung akan dapat menolong pertambahan dana perbankan Islam untuk terus bersaing di arena perbankan tanah air dan dalam masa yang sama dapat mengelakkan diri mereka daripada terus bergelumang dengan sistem riba yang diharamkan oleh Islam. Ini bagi mejamin kebahagian kehidupan di dunia dan akhirat. Untuk itu umat Islam mestilah terlebih dahulu memberi perhatian yang serius dalam pemahaman prinsip-prinsip muamalat kewangan Islam dengan banyak melakukan pembacaan dan menghadiri seminar-seminar yang berkaitan kewangan Islam. Supaya usaha yang digembelingkan bersama ini dapat membantu umat Islam keseluruhannya untuk lebih maju dalam bidang ekonomi melalui pasaran kewangan negara dan seterusnya mampu untuk membantu Islam mengusai dunia keseluruhannya. Semoga usaha yang kita lakukan ini akan dikira oleh Allah S.w.t. sebagai salah satu sumbangan dalam mendaulatkan dan meletakkan Islam ke tempatnya yang sebenarnya.